



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.5 (51)

Tarikh :

23 Jun 2025

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN JUN 2025

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini rujukan ANM.PHG.600-15/2/85 JLD.3(53) bertarikh 16 Disember 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan penutupan akaun bulanan bagi bulan Jun 2025, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

2.1 ARAHAN PEMBAYARAN

- (i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **PERAKUAN 2** selewat-lewatnya jam **12.00 TENGAH HARI** pada **30 JUN 2025 (ISNIN)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 Julai 2025 (Selasa);
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) Sekiranya **GAGAL** mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke bayaran_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 7 Julai 2025**.

2.2 TERIMAAN

- (i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **30 JUN 2025 (ISNIN)** telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ketetapan AP78;
- (ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 30 JUN 2025 yang tidak sempat dibankkan, **WAJIB** disediakan RESIT dan dibuat **SERAHAN WANG selewat-lewatnya pada 30 JUN 2025 (ISNIN)** sebelum **jam 11.59 MALAM**;

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke terimaan_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 7 Julai 2025.**

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang